



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 21/2012 (20 hingga 26 Mei 2012)

Pada minggu ke-21 bagi tahun 2012, iaitu dari 20 hingga 26 Mei, sejumlah 396 kes demam Denggi telah dilaporkan berbanding 405 kes pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Sebanyak enam (6) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor meningkat sebanyak 14 kes (8%), Kelantan 9 kes (50%), Perak 4 kes (20%), Pahang 1 kes (9%), Sabah 1 kes (8%) dan Johor meningkat sebanyak 1 kes (3%). Jumlah terkumpul kes Denggi bermula dari Januari sehingga 26 Mei 2012 adalah 10,003, meningkat sebanyak 20% atau 1,652 kes berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Pada tempoh yang sama juga, sebanyak 20 kematian akibat demam Denggi dilaporkan, meningkat 7 berbanding 13 kematian pada tahun 2011.

Sejumlah 74 lokaliti mengalami wabak di seluruh negara melibatkan 14 daerah. Terdapat satu (1) lokaliti *hot spots* iaitu Vista Angkasa, zon Klang Lama, WP Kuala Lumpur, melibatkan 5 kes. Walaupun satu aktiviti gotong royong telah dijalankan di lokaliti ini, bilangan penyertaan oleh masyarakat setempat amatlah

mendukacitakan apabila hanya 5 orang hadir daripada 800 penghuni yang sepatutnya hadir untuk membersihkan kawasan perumahan mereka agar bebas daripada pembiakan Aedes. Malahan, kadar pembiakan Aedes masih tinggi iaitu 2.2%, melebihi kadar sensitif 1% yang menunjukkan kawasan ini masih lagi tidak bersih. Tindakan penguatkuasaan iaitu kompaun maksima RM500 boleh dikenakan kepada pemilik premis jika pihak KKM menemui pembiakan Aedes semasa pemeriksaan pembiakan Aedes dilakukan. Oleh itu, dengan mengambil langkah mudah hanya 10 minit, cari dan hapuskan pembiakan Aedes boleh menghindari daripada gigitan nyamuk dan jangkitan demam Denggi.

Dalam memerangi nyamuk Aedes, aktiviti yang paling berkesan adalah cari dan musnahkan tempat-tempat pembiakan serta tempat yang berpotensi menjadi tempat pembiakan Aedes. Setiap individu dan masyarakat mempunyai tanggungjawab memastikan persekitaran mereka bersih dan melaksanakan tanggungjawab sosial dengan melaksanakan aktiviti gotong royong. Oleh itu, berilah kerjasama kepada pemimpin masyarakat dengan meluangkan masa menjayakan aktiviti gotong royong yang dijalankan di tempat anda. Selain itu, bersama-samalah mengingatkan jiran-jiran serta rakan-rakan yang lain untuk turut serta. Jiran sepakat membawa berkat, jauhi demam Denggi.

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

31 Mei 2012

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 21/2012
(20 hingga 26 Mei 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 21/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 21/2011
		Minggu 21 (20 – 26 Mei 2012)	Minggu 20 (13 – 19 Mei 2012)		
1	Perlis	0	1	77	27
2	Kedah	17	19	346 (1)	193
3	P. Pinang	13	21	366 (1)	787 (1)
4	Perak	24	20	669 (1)	517 (1)
5	Selangor	200	186	4,547 (10)	3,127 (3)
6	WPKL & Putrajaya	19	26	1,020 (3)	711 (1)
7	N. Sembilan	7	11	183 (1)	320
8	Melaka	6	9	270	193
9	Johor	37	36	705 (1)	795 (4)
10	Pahang	12	11	303 (1)	406 (1)
11	Terengganu	9	12	348	325 (1)
12	Kelantan	27	18	534	287 (1)
13	Sarawak	11	22	426	448
14	Sabah	14	13	202 (1)	210
15	WP Labuan	0	0	7	5
	MALAYSIA	396	405	10,003 (20)	8,351 (13)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU
21 BAGI TAHUN 2012**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	WPKL	Klang Lama	Vista Angkasa	5	31

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBAIKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 21
BAGI TAHUN 2012
(20 hingga 26 Mei 2012)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	WPKL	Klang Lama	Vista Angkasa	2.2	2